

Bahasa Melayu sebagai Wahana Komunikasi di Rantau ASEAN: Suatu Perspektif¹

Idris Aman

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perspektif kedudukan bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi di rantau ASEAN. Perbincangan mengutarakan situasi kebahasaan di ASEAN yang kompleks serta pelbagai dan prospek bahasa Melayu menjadi wahana komunikasi massa dalam entiti geopolitik tersebut. Bagaimanapun, kekompleksan bahasa di ASEAN tidak menyekat negara berkenaan untuk bersatu kerana pertubuhan itu tidak menjadikan bahasa sebagai penghalang, lantaran secara *ipso facto* bahasa Inggeris dijadikan bahasa kerja mereka. Sungguhpun demikian ditegaskan bahawa bahasa Melayu dengan sejarah cemerlangnya, keluasan ruang geografi penuturannya, dinamika linguistiknya yang mudah dikuasai oleh orang asing yang mendiami dan yang mencari rezeki kesan kemajuan ekonomi negara berpenutur bahasa Melayu serta bilangan penuturnya mencapai ratusan juta orang, memang sedang merupakan wahana komunikasi serta penanda identiti ASEAN yang sangat ketara berbanding dengan bahasa dan penanda lain. Kedudukannya sebagai wahana komunikasi massa yang merupakan fungsi asas bahasa telah menyebabkan kelestarian bahasa Melayu. Peluang ini wajar dimanfaatkan oleh pemimpin pula.

Kata kunci: Bahasa Melayu, identiti, wahana komunikasi, ASEAN, alamiah, ketakasingan, faktor ekonomi, kontak sosial

A Perspective on Malay Language as a Medium of Communication in ASEAN

ABSTRACT

The article discusses a situational perspective of Malay language as medium of communication in ASEAN. The discussion highlights on complexity of language in ASEAN and prospect of the Malay language as medium of mass communication in the region. However, the complexity of language in ASEAN did not stop them from being united

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

idrisa@ukm.edu.my (Idris Aman)

since language has never been an obstacle because English is ipso facto accepted as their working language. Nevertheless, it has been stressed that Malay language with her distinction history, wide geographical space of speakers, dynamic linguistic properties which are easy to be learned and acquired by foreigners working and settling down there due to a progressive economic growth especially in Malaysia, and having hundred millions of speakers, is definitely being a medium of communication and overt identity of ASEAN compared to the other languages and markers. Being a medium of mass communication as a fundamental function of language has granted the Malay language its sustainability. This opportunity should be employed by leaders too.

Keywords: Malay language, identity, medium of communication, ASEAN, natural, customary, economic factors, social contact

SITUASI

Bahasa yang dituturkan oleh warga ASEAN² sangat kompleks dan pelbagai. Dari segi geolinguistik, ASEAN dibentuk daripada empat keluarga bahasa utama, iaitu Austronesia (atau ada menamakan Malayo-Polinesia), Austro-Asiatik, Tai, dan Sino-Tibetan (Crystal, 2003). Dalam empat kelompok tersebut, beratus-ratus bahasa dituturkan oleh penghuni ASEAN. Antara yang utama ialah bahasa Melayu, Jawa, Sunda, Minangkabau, Bugis, Tagalog, Mon, Thai, Khmer, Cham, Vietnam, Burma, Mandaling, Banjar, Iban, dan sebagainya. Di samping itu, terdapat juga bahasa penghijrah dari luar rantau, seperti Cina dan Tamil, serta bahasa Inggeris yang merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang terkenal. Sungguhpun kompleks dan pelbagai dari segi bahasa penghuninya, ASEAN berjaya dioperasikan dan berfungsi. Kini usianya 48 tahun.³ Maknanya, ASEAN tidak menjadikan kekompleksan dan kepelbagaian bahasa sebagai penghalang kerjasama pertubuhan serantau itu.

Situasi kini menunjukkan bahawa ‘bahasa kerja’ (working language) atau bahasa rasmi ASEAN ialah bahasa Inggeris. *The ASEAN Charter* pada Chapter X Administration and Procedure, Article 34 Working Language of ASEAN (hlm. 29) menyebut bahawa “The working language of ASEAN shall be English”. (www.asean.org). Hanya itu satu-satunya klausa/ayat tentang bahasa ASEAN. Oleh yang demikian, naskhah asal ‘charter’ atau Piagam ASEAN itu ialah bahasa Inggeris. Tiada bahasa lain yang disebut sebagai bahasa kerja/rasmi pertubuhan itu. Malah, piagam ASEAN tidak menyebut apa-apa pun tentang bahasa komunikasi atau bahasa pemersatuannya.

Sungguhpun begitu, pada hemat saya, ASEAN nampaknya turut ‘meraikan’ semua bahasa negara anggotanya. Saya mengatakan demikian kerana setiap negara anggota ada naskhah terjemahan dalam bahasa utama penduduk masing-masing. Yang nyata, tiga anggota menggunakan bahasa Melayu (dalam variasi tentunya) sebagai naskhah terjemahan masing-masing, iaitu Indonesia, Malaysia dan Brunei DS, manakala Singapura memanfaatkan bahasa Cina. Ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris diterima secara *ipso facto* oleh seluruh negara anggota, tetapi dari segi lain seolah-olah menunjukkan bahawa setiap negara ingin juga menonjolkan identiti sendiri melalui bahasa negara masing-masing. Jadi, apakah prospek bahasa Melayu?

PROSPEK

Sukacita saya merujuk pada pernyataan Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia Tan Sri Dr Rais Yatim baru-baru ini yang berkata bahawa bahasa Melayu mampu menyatupadukan masyarakat ASEAN. Selain itu, beliau berkata bahawa Komuniti ASEAN harus dilihat mempunyai sifat kekitaan tersendiri yang akan menyerlahkan identiti kumpulan serantau itu dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Berikut ialah pandangan Tan Sri Dr. Rais yang dipetik daripada *Berita Harian*.

“Saya lihat Bahasa Melayu adalah bahasa yang dituturkan 300 juta manusia di ASEAN. Maka, lebih separuh penduduk ASEAN diwakili oleh penutur Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia. Amat baik jika ia diasaskan sebagai bahasa serantau dan ini akan menyatukan kita,” katanya kepada BERNAMA di sini.

Rais menjelaskan ASEAN harus muncul dengan bahasanya sendiri, selain cuba menampilkan seni dan muzik yang melambangkan identiti kumpulan serantau itu.

Katanya, beberapa negara jiran mungkin tidak akan bersetuju dengan cadangan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa serantau, namun beliau yakin cadangan itu mampu dilaksanakan.

“Vietnam, Laos dan Thailand mungkin tidak bersetuju. Tidak mengapa, asalkan dasar itu dapat dilihat dari sudut amali dan tidak hanya dilihat dari segi teori. Kita kena lihat apa yang menyatukan kita sekarang, tidak ada.

“Realitinya, Bahasa Melayu dan budaya serantau boleh menyumbang kepada kekitaan dalam ASEAN. Aspek sosiobudaya juga boleh serlahkan budaya serantau di ASEAN. Saya fikir harus dibawa dalam perbincangan,” jelasnya.

Berita Harian Online. Membentuk Solidariti ASEAN Menerusi Bahasa Melayu. 24 April 2015. Bold ialah tambahan saya.

Apa yang disuarakan oleh Tan Sri Rais Yatim amat menarik dan pada saya, bersifat ‘cuitan’ walaupun belum bersifat ‘kejutan’. Pada saya, mungkin Tan Sri Rais berpandangan demikian kerana ASEAN memang tidak ada identiti menonjol,⁴ lantas memerlukan satu identiti. Bagaimanapun, bagi saya, suara demikian agak ‘mementingkan diri’ kerana seperti kata Tan Sri Rais sendiri, “Vietnam, Laos dan Thailand mungkin tidak setuju”. Ya, pada hemat saya, untuk beberapa dekad lagipun, ia mungkin sukar dicapai. Ini bersandarkan situasi *nation-centric* yang masih tebal, profil linguistik yang berbeza antara negara anggota, serta gelombang hegemoni dan keselesaan berbahasa Inggeris yang mengukuh.

Sedikit berbeza dengan pandangan Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia itu yang melihat bahasa Melayu sebagai asas ‘penyatuan’ dan ‘kekitaan’ ASEAN, saya ingin membicarakan isu ini dalam skop bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi ASEAN pula. Ini kerana pada hemat saya, ‘penyatuan’ seperti yang disebutkan oleh Tan Sri Rais telah pun berlaku sebagaimana terbinanya konsep ASEAN itu sendiri, iaitu penyatuan dari segi kerjasama ekonomi, politik, sosial dan budaya. Pada saya, pembentukan ASEAN itu sendiri ialah kejayaan besar aspek ‘penyatuan’ kerana bukan mudah menyatukan

pelbagai warisan geopolitik dan budaya utama di rantau ini. Manakala soal ‘kekitaan’ pun telah berlaku dalam banyak hal, kerana kekitaan bermaksud ‘semangat kerjasama dalam satu kumpulan’ (*Kamus Dewan*, 2015, hlm.797). Tegasnya, ‘penyatuan’ dan ‘kekitaan’ ASEAN kini tidaklah diasaskan pada bahasa, khususnya bahasa Melayu. Kenapa? Jawapan rasionalnya ialah setakat ini, bahasa Melayu hanya dikongsi antara negara nusantara atau 4 anggota ASEAN dan bukan oleh kesemuanya.

Oleh yang demikian, perbincangan ini mengambil perspektif ‘berpijak di bumi nyata’ dengan memfokus kepada apa-apa yang ada atau terupaya setakat ini, tetapi tidak kepada perspektif fungsi ‘bahasa rasmi’ atau ‘bahasa penyatu/kekitaan’ ASEAN.

Untuk lebih jelas, marilah dahulu kita lihat bagaimana kedudukan bahasa Melayu atau bagaimana bahasa itu difahami oleh masyarakat dunia. Untuk itu, pertama, saya merujuk *The Cambridge Encyclopedia of Language* oleh Crystal (2003, hlm.320), iaitu:

Malay, an Austronesian language, is extensively spoken throughout Malaysia and Indonesia as a second language, and is the mother tongue for around 17 million people. The dialect of the south Malay Peninsula has become the standard language, and under the name of Bahasa Indonesia has been the official language of Indonesia since 1949; it is often referred to simply as Indonesian. A pidginized form of Malay, known as Bazaar Malay, is widely used as a lingua franca throughout the Indonesian archipelago. Its use long predates the time of contact with European languages, in the 17th century

Dan, kedua *Oxford Concise Dictionary of Linguistics* oleh Matthews (1997, hlm.216) pula memberikan masukan (*entry*) ‘Melayu-Indonesia’ serentak, iaitu:

Malay-Indonesian. Austronesian language, commonly referred to as Malay, standardized in an official form both in Indonesia (Indonesian or Bahasa Indonesia ‘language (of) Indonesia’) and in Brunei, Singapore, and Malaysia (Bahasa Malaysia).

Akhir sekali, saya merujuk pada wikipedia. Saya memanfaatkan Wikipedia kerana akur dengan cirinya yang menepati konsep ‘dunia di hujung jari’ kini, iaitu:

Malay (Bahasa Melayu) is a major language of the Austronesian family. It is the national language of Brunei, Malaysia, Indonesia and Singapore. It is spoken by 270 million people across the Malacca Strait, including the coasts of the Malay Peninsula of Malaysia and the eastern coast of Sumatra in Indonesia, and has been established as a native language of part of western coastal Sarawak and West Kalimantan in Borneo.

As the Bahasa Kebangsaan or Bahasa Nasional (National Language) of several states, Standard Malay has various official names. In Singapore and Brunei it is called Bahasa Melayu (Malay language); in Malaysia, Bahasa Malaysia (Malaysian language); and in Indonesia, Bahasa Indonesia (Indonesian language)

and is designated the Bahasa Persatuan/Pemersatu (“unifying language/lingua franca”). However, in areas of central to southern Sumatra where the language is indigenous, Indonesians refer to it as Bahasa Melayu and consider it one of their regional languages. (wikipedia, 12 Jun 2015)

Jelaslah bahawa masyarakat linguistik khususnya dan dunia amnya memahami ‘bahasa Melayu’ itu ialah bahasa yang dituturkan di kawasan Nusantara, merentas sempadan geopolitik, serta yang dikatakan bahasa Melayu itu termasuklah apa yang kini dinamakan ‘bahasa Indonesia’ di negara Indonesia. Kefahaman tersebut penting untuk meneliti status bahasa tersebut sebagai bahasa komunikasi ASEAN.

Kemudian, untuk membincangkan gagasan bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi ASEAN elok juga kita menjengah kembali peranan bahasa. Dalam kehidupan sosial, peranan bahasa sangat penting. Ahli linguistik fungsional tersohor, Halliday (1994), mengutarakan tiga metafungsi bahasa, iaitu interpersonal, ideasional, dan tekstual; masing-masing sebagai wahana interaksi, representasi, dan mesej. Bagaimanapun, secara lebih lazim dan terperinci, bahasa juga sering dimengerti sebagai wahana komunikasi, identiti, ideologi, representasi, tindakan, sosialisasi, serta wahana pembinaan insan dan masyarakat. Bagaimanapun, daripada banyak fungsi penting bahasa yang disebutkan di atas, fungsi komunikasi merupakan yang paling asas. Ini sejajar dengan definisi bahasa yang diberikan oleh tokoh pengkaji bahasa tersohor dunia, seperti Sapir, Trager, Hall, dan Crystal (lihat Crystal, 2003).

Oleh yang demikian, berdasarkan situasi, definisi dan fungsi bahasa yang diutarakan di atas, saya ingin menegaskan bahawa sebenarnya bahasa Melayu sedang menjadi wahana komunikasi ASEAN. Yang saya maksudkan ‘wahana komunikasi’ ialah bahasa yang dipilih oleh penutur beberapa bahasa berbeza untuk komunikasi antara satu sama lain, khususnya rakyat dengan rakyat (Spolsky, 2001). Sosiolinguis juga menamakannya *language of wider communication* (Spolsky, 2001).⁵

Jika direnung, di sebahagian rantau ASEAN sendiri, bahasa Melayu bukanlah asing, malah memang merupakan bahasa negara juga. Ini kerana sebahagian rantau ASEAN berada dalam alam bahasa Melayu, iaitu negara Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, dan Selatan Thai. Wilayah tersebut merupakan kawasan penuturan tradisi bahasa Melayu. Walaupun dengan variasi masing-masing, tetapi darjah kesalingfahaman penuturnya relatif tinggi. Bilangan penutur bahasa Melayu di rantau tradisi ini sangat tinggi. Tan Sri Rais (*Berita Harian Online*, 24 April 2015) menyebut 300 juta orang, manakala wikipedia menganggarkan 270 juta orang (Wikipedia, 12 Jun 2015). Keadaan dan angka tersebut telah membuktikan bahawa bahasa Melayu sememangnya telah menjadi wahana komunikasi sebilangan umat manusia di dunia. Pada hemat saya, bilangan penutur ialah faktor penting untuk diperkirakan apabila memperkatakan bahasa dalam konteks wahana komunikasi, kerana tanpa penutur apalah ertinya bahasa.

Jika diteliti dengan lebih jauh, sebagai wahana komunikasi ASEAN, bahasa Melayu kini bukan sahaja dituturkan oleh penutur di rantau tradisinya, iaitu Nusantara, malah sedang dituturkan oleh penutur dari luar rantau Nusantara. Maknanya, bahasa Melayu bukan sesuatu yang asing dalam kalangan penduduk ASEAN. Fenomena itu berlaku semacam

alamiah.⁶ Bagaimanapun, ‘kealamiahan’ itu bersebab. Saya berpandangan, fenomena ini bertitik tolak daripada faktor ekonomi. Dan ia berlangsung dalam dua keadaan.

Pertama, pembangunan pesat serta peluang ekonomi yang lebih besar di sesetengah negara ASEAN, khususnya Malaysia telah menyebabkan kedatangan penduduk negara ASEAN lain yang sedang membangun yang bukan kawasan bahasa Melayu, seperti Vietnam, Thailand, Kampuchea, Myanmar, dan Filipina untuk bekerja. Mereka bekerja di pelbagai sektor, seperti pertanian, perladangan, pembuatan/perkilangan, pembantu rumah, pembinaan, dan perkhidmatan (Che Hashim, 2009). Kontak antara pekerja asing dengan majikan serta pekerja tempatan atau kontak sosial menyebabkan pekerja asing tersebut mampu menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dengan majikan tempatan atau sesama pekerja. Misalnya, kita melihat pekerja Vietnam boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan pekerja dari Myanmar. Bilangan pekerja dari luar rantau agak banyak. Pada 2008, walaupun separuh atau 52.6% pekerja asing di Malaysia datangnya dari Indonesia (epu.gov.my) daripada lebih 2 juta orang (The World Bank, 2013)⁷ atau 3.5 juta orang pekerja asing di Malaysia pada pertengahan 2011 (www.malaysiafactbook) separuh lagi adalah dari negara lain, termasuk negara ASEAN yang disebut di atas. Perangkaan Bahagian Pekerja Asing 2011 menunjukkan bahawa peratusan pekerja asing dari Indonesia menurun pada 49.9%, manakala terdapat peningkatan pekerja dari negara ASEAN yang lain, misalnya Myanmar (9.3%), Vietnam (3.4%), Filipina (2.8%), Kemboja (2.3%) dan Thailand (0.4%) (Azizah 2012). Ini membayangkan bahawa bahasa Melayu telah semakin dituturkan oleh penutur bukan tradisionalnya. Dalam hal ini, pekerja asing menguasai bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi atau dalam sosiolinguistik disebut sebagai penguasaan bahasa untuk maksud ‘instrumental’.⁸

Kedua ialah kuasa beli orang Malaysia yang meningkat (serta disokong kewujudan penerbangan tambang murah serantau) yang membolehkan mereka keluar ke kota ASEAN yang lain. Di kawasan tumpuan warga Malaysia, misalnya Ho Chi Minh dan Phnom Penh munculkan pusat beli-belah di luar rantau Melayu yang peniagaanya boleh berbahasa Melayu sebagai wahana komunikasi perniagaan.

Selanjutnya, pelaksanaan AFTA – zon perdagangan bebas ASEAN – membolehkan barangan negara ASEAN dipasarkan dalam kalangan negara anggota. Dalam inisiatif tersebut, bahasa Melayu turut digunakan pada label barangan. Dengan sifat serta aset linguistik yang dimiliki, bahasa Melayu mampu diketengahkan dan dipromosikan dalam kalangan warga ASEAN. Dalam konteks ini, saya kira, status bahasa Melayu sudah bergerak ke atas sedikit.

Pada hemat saya, tiga faktor tersebut menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak lagi asing kepada masyarakat ASEAN di luar rantau Melayu. Berkaitan faktor ‘ketakasingan’ bahasa Melayu ini saya suka menyelitkan satu pandangan daripada rakan kita di Thailand tentang isu bahasa bersama ASEAN. Penulis merangkap blogger terkenal Thailand bernama Kaewmala (2012) mengulas dalam laman *ASIAN Correspondent* tentang dapatan kajian penyelidikan Universiti Chulalongkorn yang mengatakan bahasa Thai sesuai menjadi ‘bahasa ASEAN’. Kaewmala bagaimanapun, menghujahkan bahawa bahasa Melayu lebih sesuai dan munasabah berbanding dengan bahasa Thai, jika satu bahasa bersama ASEAN ingin ditentukan.



Rajah 1. Petikan judul artikel Kaewmala (2012) dalam laman sesawang Asian Correspondent

Tentu ada beberapa faktor sokongan lain yang membolehkan bahasa Melayu kini menjadi wahana komunikasi ASEAN. Saya melihat yang paling ketara ialah sifat linguistik bahasa Melayu dan sistem tulisannya sendiri.

Sifat linguistik bahasa Melayu yang utama ialah ia mudah dikuasai sebagai wahana komunikasi, sama ada aspek sebutan, kosa kata atau tatabahasa. Ini ialah aset dan kelebihan kepada bahasa Melayu. Dari aspek sebutan, bahasa Melayu berdasarkan suku kata dengan majoriti katanya terbina daripada dua suku kata atau dinamakan 'dwisuku' (Asmah, 2008). Sebutan bahasa Melayu boleh berasaskan ejaan atau berasaskan kelaziman. Variasi sebutannya minimum. Kedua-duanya boleh berfungsi untuk tujuan komunikasi. Dari segi nahu, binaan frasa dan proses morfologi bahasa Melayu tidak kompleks. Manakala, kosa kata harian mudah dikuasai oleh orang asing yang memang menggunakan bahasa itu dalam urusan komunikasi hariannya. Tambahan pula, banyak kosa kata bahasa Melayu diserap daripada bahasa asing, terutama bahasa Inggeris, selain bahasa Belanda, Arab, Cina, Sanskrit dan Portugis yang memudahkannya dikuasai oleh orang asing (Kaewmala, 2012). Buktinya, pekerja asing di Malaysia, termasuk dari luar anggota ASEAN, seperti Bangladesh, India, Pakistan, dan Nepal serta peniaga di kota Ho Chi Minh dan Phnom Penh mampu menguasai bahasa Melayu untuk komunikasi di tempat kerja.

Ciri kedua bahasa Melayu yang menyokongnya menjadi wahana komunikasi ASEAN ialah sistem tulisannya. Tulisan bahasa Melayu ialah huruf Rumi atau Roman yang merupakan sistem tulisan global dan bahasa utama dunia kini. Tulisan Rumi tidaklah asing pada sebahagian besar warga ASEAN. Paduan sistem tulisan dengan sifat linguistik bahasa Melayu sedemikian memudahkan keterbacaannya dalam kalangan penutur bahasa bukan Melayu.

KODA

Berpijak pada realiti semasa, saya berpandangan bahawa bahasa Melayu memang sedang menjadi wahana komunikasi massa ASEAN dalam konteks dan keadaan yang dibincangkan di atas. Keadaan ini merupakan sesuatu yang sangat menarik dan mengujakan bagi bahasa Melayu. Pada saya, keadaan tersebut membayangkan kelestarian bahasa Melayu pada abad ini sekali gus merupakan kesinambungan bahasa Melayu sebagai lingua franca di rantau ini sejak abad ke-13 (Hassan, 2002), serta dengan tidak melupakan fakta pencapaian gemilang bahasa Melayu dalam pembinaan tamadun Melayu (rujuk Awang, 2014). Pada hemat saya, kesinambungan itu merupakan suatu tanda yang sangat positif bagi kedinamikan bahasa. Sesungguhnya, dinamika memastikan keberterusan dan kelestarian bahasa. Dari sudut yang lain, walaupun dikatakan fungsi komunikasi ialah fungsi bahasa yang paling asas atau bawah, tetapi yang asas itulah yang paling mustahak kerana ia menjamin kebiakannya dalam kalangan masyarakat atau massa.

Sementara itu, dalam nada harapan, komunikasi pemimpin dengan pemimpin, khususnya dalam kalangan tiga negara ASEAN penutur bahasa Melayu - Indonesia, Malaysia dan Brunei boleh saja dilangsungkan dalam bahasa Melayu untuk menambah keakraban. Pada pengamatan saya, dalam beberapa peristiwa sosial yang dimediasikan, Perdana Menteri Singapura pun boleh berbahasa Melayu. Dari sudut sociolinguistik, pemilihan bahasa milikan bersama sewaktu interaksi akan menambah keakraban dalam kalangan pemeran (*participants*). Dengan cara itu, banyak keraguan dan masalah boleh diuruskan. Dalam hal ini, jiwa besar pemimpin untuk berinteraksi dalam bahasa serumpun amat dituntut. Cara ini boleh diperpanjang dalam peristiwa bahasa dan sosial yang lebih tinggi dalam konteks tiga negara berkenaan.

Bagaimanapun, untuk masa mendatang, tidak salah kita mula mengimpikan cahaya untuk bahasa Melayu diangkat atau dicatat sebagai salah satu bahasa rasmi ASEAN, misalnya, dengan pemimpin mengambil teladan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang menamakan beberapa bahasa utama dunia sebagai '*the working language*'. Sementelahan, sukar dinafikan juga bahawa berbanding dengan bahasa lain, bahasa Melayu memang merupakan satu ciri ASEAN yang lebih ketara (*overt prestige*). Biarlah masa menentukannya.

NOTA AKHIR

¹ Makalah ini dimurnikan daripada kertas dasar dasar yang disampaikan di Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu anjuran Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, UPM, Serdang pada 3-4 November 2015.

² Association of South East Asian Nations.

³ ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 (www.asean.org).

⁴ Walaupun kini ada yang melihat 'beras' sebagai ciri sepunya ASEAN.

⁵ "Language chosen by speakers of several different languages to communicate with each other (Spolsky 2001: 123).

⁶ Pada hemat saya, penguasaan yang berlaku secara alamiah adalah lebih berbaloi.

⁷ Menurut The World Bank (2013), angka tepat tidak diperolehi kerana banyak pekerja tidak berdaftar.

⁸ Bahasa [lain] juga dikuasai kerana untuk integrasi.

BIBLIOGRAFI

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2014). *Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat*. Syarahan Tokoh Bahasa. Di Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Kassim. (2012). *Dasar Pekerja Asing Di Malaysia: Perlunya Anjakan Paradigm*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian Online*. (2015). Membentuk Solidariti ASEAN Menerusi Bahasa Melayu. 24 April.
- Che Hashim Hassan. (2009). Buruh Asing di Malaysia: Trend, Kaedah, Kesan, Masalah dan Cara Mengatasi. *Jati*, 14, 119-132.
- Crystal, D. (2003). *The Cambridge Encyclopedia of Language. Second edition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar*. Second edition. London: Arnold.
- Hassan Ahmad. (2002). Bahasa Melayu sebagai Penjana Tamadun Ilmu di Rantau Berbahasa Melayu: Sejarah dan Kemungkinannya dalam Abad ke-21. dlm. *Bahasa Melayu/Indonesia Sebagai Pembina Peradaban Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaewmala. (2012). The search for a common language: Thai or Malay as 'Bahasa ASEAN'?. *ASIAN Correspondent*. Januari 19. (asiancorrespondent.com)
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia Factbook*. (2015). www.malysiafactbook. (22 September 2015).
- Matthews, P.H. (1997). *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Spolsky, B. (2001). *Sociolinguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- The World Bank. (2013). *Foreign Workers in Malaysia: Assessment of their Economic Effect and Review of the Policy*. The World Bank International Population Conference on Migration, Urbanization and Development. July 8. The World Bank, East Asia Pacific Region.
- www.asean.org (laman web rasmi ASEAN) 11 September 2015.
- www.epu.gov.my. Jumlah pekerja asing di Malaysia mengikut negara asal 1999-2008. (4 Oktober 2015).
- www.malysiafactbook. (1 Oktober 2015)